'Amal semangat kongsi kekayaan'

BH 11 MAR 2002

Oleh Wan Hazmir Bakar

Rakyat akan jadi miskin jika ada kumpulan yang mahu membolot segala kekayaan untuk diri mereka saja

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat pelbagai kaum di negara ini supaya terus berpegang kepada semangat berkongsi kekayaan negara supaya kemakmuran negara berpanjangan dan dapat dinikmati bersama semua rakyat.

Perdana Menteri berkata, negara tidak akan makmur dan rakyat akan menjadi miskin jika ada kumpulan yang mahu membolot segala kekayaan untuk diri mereka saja sehingga menyekat yang lain daripada sama menikmatinya.

Katanya, adalah lebih baik jika kita mendapat sebahagian kecil daripada kekayaan negara daripada langsung tidak mendapat apa-apa akibat perbalahan kerana cuba membolot semuanya.

"Kita jangan sekali-kali membolot kesemuanya untuk diri kita, kita perlu berkongsi...jika kita mendapat sesuatu biarpun dengan peratusan yang kecil, ia adalah lebih baik daripada tidak mendapat apa-apa.

"Justeru, marilah kita sama-sama berkongsi, berkongsi kekayaan negara secara adil," katanya berucap pada majlis jamuan Tahun Baru Cina anjuran tujuh gabungan persatuan suku bangsa Cina seluruh Malaysia di sini, malam ini.

Hadir sama ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dan pengerusi jawatankuasa kerja majlis, Datuk Tong Yoke Kim.

Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana masyarakat Cina di negara ini berpegang kepada semangat perkongsian ini serta menyokong dasar kerajaan berhubung pengagihan kekayaan.

"Inilah semangat yang dipegang majoriti rakyat Malaysia yang bersikap sederhana dan toleransi walaupun ada segelintir yang tidak setuju dan membuat tuntutan melampau.

"Ya, memang ada sesetengah pihak yang membuat tuntutan melampau, bukan saja dari kalangan masyarakat Cina tetapi juga dari masyarakat Melayu dan India. Ada orang yang membuat tuntutan melampau yang bermakna orang lain tidak akan mendapat apa-apa. Kita tidak memerlukan orang seperti ini," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat Malaysia bahawa mereka akan kehilangan semua yang mereka miliki sehingga ini jika bertelagah antara satu sama lain.

"Selagi tiga kaum utama di Malaysia bekerjasama, menyambut perayaan secara bersama atau makan bersama, kita akan kekal sebagai negara yang aman dan dapat membangunkan negara supaya kita akhirnya menjadi negara maju menjelang 2020," katannya.

Perdana Menteri berkata, beliau sentiasa mengingatkan semua pihak bahawa kemakmuran hanya akan wujud jika orang lain turut makmur.